

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' OTHMAN BIN AZIZ**
[JERLUN]

TARIKH : **6 APRIL 2016 (RABU)**

SOALAN : **19**

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan penambahbaikan Program Kampung Tanpa Wayar bagi memantapkan jaringan jalur lebar tanpa wayar percuma di kawasan luar bandar khususnya di Kedah dan apakah kekangan yang telah dikenalpasti bagi menjayakan insentif RMK-11 ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula pada tahun 2013, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menambahbaikkan pelaksanaan WiFi Komuniti (WK) dengan menghubungkan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dengan WK dalam menyediakan akses Internet dengan kelajuan sehingga 4Mbps secara *hotspot*.

Melalui pendekatan ini, penggunaan *bandwidth* dapat dimaksimumkan dan melancarkan penggunaan Internet di kalangan pengguna. Sehingga 31 Januari 2016, sebanyak 372 WK siap dilaksanakan di negeri Kedah manakala, sebanyak 141 WK masih sedang dalam pelaksanaan.